

23 SEP 1999

Agong-Pertabalan

YANG DI-PERTUAN AGONG KE-11 DITABALKAN PENUH ISTIADAT

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj hari ini ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada istiadat gilang-gemilang di Balairong Seri, Istana Negara.

Turut berangkat pada istiadat itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Keberangkatan masuk Seri Paduka berdua ke Balairong Seri menuju ke singgahsana untuk upacara pertabalan diiringi tiupan nafiri dan paluan nobat lagu "Raja Berangkat."

Upacara dimulakan dengan mempersembahkan Al-Quran kepada Seri Paduka diikuti dengan Datuk Paduka Maharaja Lela Datuk Zubir Ali mempersilakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membaca surat Perisytiharan Pertabalan.

Datuk Paduka Maharaja Lela kemudian menyembahkan Keris Kerajaan dan Warkah Ikrar kepada Seri Paduka.

Alat-alat kebesaran istiadat pertabalan iaitu Al-Quran, Keris Kerajaan, surat perisytiharan dan warkah ikrar dibawa masuk ke Balairong Seri diikuti paluan nobat lagu "Menjunjung Duli".

Datuk Paduka Maharajalela menyerahkan naskhah al-Quran kepada Seri Paduka yang kemudiannya disambut dan dicitum sebagai lambang kemuliaan Islam, agama rasmi negara, sebelum diletakkan di antara dua kerusi di singgahsana sehingga upacara pertabalan selesai.

Sebelum Seri Paduka melafazkan ikrar jawatan, Dr Mahathir membacakan Surat Perisytiharan mengenai pemasyhuran Sultan Salahuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11.

Ini diikuti dengan persembahan Keris Kerajaan kepada Seri Paduka. Keris itu kemudiannya dihunus dan dikucup oleh Seri Paduka.

Seri Paduka membaca ikrar berbunyi; "Beta Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinnya beta telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong.

"Dengan ini beta akan menjalankan seadil-adilnya pemerintahan bagi Malaysia mengikut undang-undang dan perlembagaan negara serta memelihara dengan sempurna setiap masa agama Islam, dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negara."

Nobat lagu "Raja Bertabal" dimainkan oleh kumpulan Nobat disusuli dengan seruan Daulat Tuanku sebaik sahaja ikrar dilafazkan oleh Seri Paduka. Ini disusuli dengan seruan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali dengan diikuti oleh semua hadirin.

Dr Mahathir kemudian membaca perutusan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat.

Tembakan meriam dilepaskan sebanyak 21 dan serentak dengan itu lagu "Negaraku" dimainkan.

Sebagai memberkati upacara itu pegawai agama Istana Negara Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz membaca doa selamat.

Istiadat itu disaksikan oleh Putera Mahkota Brunei Darussalam yang mewakili Sultan Brunei, Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri, Pemangku Raja Selangor dan Raja Perlis, Pemangku Yang Dipertua Negeri Sarawak serta Tengku Mahkota Johor.

Menteri-menteri kabinet dan wakil-wakil negara asing turut hadir.

Upacara bersejarah itu disiarkan secara langsung oleh RTM.

Sebelum ke Balairong Seri, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memeriksa kawalan kehormat di perkarangan Istana Negara.

Sultan Salahuddin, 74, dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 26 April lepas oleh Raja-Raja Melayu, menggantikan Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang menamatkan tempoh pemerintahan Seri Paduka pada 25 April.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri akan menghadiri beberapa majlis sempena sambutan pertabalan selama lima hari.

Petang ini, Yang di-Pertuan Agong akan merasmikan pameran "Raja Kita" di Muzium Negara sebelum Seri Paduka berdua menghadiri majlis tahlil dan doa selamat di Masjid Negara.

Esok, Seri Paduka berdua juga akan menghadiri jamuan teh meraikan kanak-kanak di The Mines, Sri Kembangan dan majlis jamuan diraja di Istana Negara pada sebelah malam.

-- BERNAMA

NZ NMO

-- BERNAMA

NZ NMO